



**PLAN**Malaysia  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning: Beyond Conventional*

# MyLCP

## SCORE CARD

MyLCP SCORE CARD

# SENARAI KANDUNGAN

	<b>PRAKATA</b>	<b>i</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Latar Belakang	1
	1.2 Tujuan MyLCP Score Card	2
	1.3 Keperluan Untuk Penilaian Dibuat Terhadap LCP	3
<b>BAB 2</b>	<b>KATEGORI LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN</b>	
	2.1 LCP 1 Kebenaran Merancang Kerja Bangunan	4-8
	2.2 LCP 2 Kebenaran Merancang Kerja Kejuruteraan	9
	2.3 LCP 3 Kebenaran Merancang Kerja Perlombongan	10
	2.4 LCP 4 Kebenaran Merancang Kerja Perindustrian	11
	2.5 LCP 5 Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Tanah	12
	2.6 LCP 6 Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan	13
	2.7 LCP 7 Kebenaran Merancang Susunan Penggunaan Tanah Untuk Tujuan Memecah Sempadan atau Mencantumkan Tanah	14-15
<b>BAB 3</b>	<b>PENILAIAN MyLCP SCORE CARD</b>	
	3.1 Kriteria Pemarkahan MyLCP Score Card	16
	3.2 Skala Pemarkahan MyLCP Score Card	16
	3.3 Kaedah Pemarkahan Kriteria 1 (C1) : Kandungan, Format dan Ketepatan Maklumat	17
	3.3.1 Perakuan Perunding (Perancang Bandar Berdaftar atau Orang Berkelayakan)	17
	3.3.2 Ringkasan Laporan Cadangan Pemaajuan	18
	3.3.3 Tahap Keselarasan dengan Manual Laporan Cadangan Pemaajuan Edisi Ke-2	18

3.4	Kaedah Pemarkahan Kriteria 2 (C2) : Konsep Justifikasi Pemajuan, Pelan Lokasi, Pelan Tapak dan Butiran Hakmilik	19
3.4.1	Konsep Justifikasi Pemajuan	19-20
3.4.2	Pelan Lokasi	21
3.4.3	Pelan Tapak	21
3.4.5	Butiran Hakmilik Tanah/Bangunan dan Sekatan	22
3.4.6	Dokumen yang Diperlukan	22
3.5	Kaedah Pemarkahan Kriteria 3 (C3) : Jenis/Hasil Analisis (Perancangan Tapak)	23
3.5.1	Analisa Keadaan Semasa Tapak - Perihal Tanah	24
3.5.2	Flora dan Fauna	24
3.5.3	Butir-butir Bangunan	25
3.5.4	Infrastruktur, Utiliti dan Kemudahan Awam	25
3.5.5	Potensi dan Halangan Pembangunan	26
3.6	Kaedah Pemarkahan Kriteria 4 (C4) : Penjelasan Cadangan Pemajuan	27
3.6.1	Konsep Pembangunan	27
3.6.2	Pelan Susun Atur	28
3.7	Kaedah Pemarkahan Kriteria 5 (C5) : Pematuhan Rancangan Pemajuan	29
3.7.1	Pematuhan Dasar Rancangan Nasional (RFN/ DPF Desa Negara/DPN)	30
3.7.2	Pematuhan Dasar Rancangan Struktur Negeri	30
3.7.3	Pematuhan Rancangan Tempatan	31
3.7.4	Pematuhan Perkara Teknikal Lain	31
3.7.5	Pematuhan Dasar Kerajaan Berkaitan Perancangan dan Pembangunan	32
3.7.6	Pematuhan Undang-undang Lain Berkaitan	32
3.7.7	Inisiatif Khas	33

	3.8	Kaedah Pemarkahan Kriteria 6 (C6) : Penjelasan Impak Pemajuan	34
	3.8.1	Impak Fizikal	34
	3.8.2	Impak Ekonomi	35
	3.8.3	Impak Infrastruktur dan Utiliti	35
	3.8.4	Impak Sosial	36
	3.8.5	Impak Alam Sekitar	36
	3.8.6	Impak Bencana Alam	37
<b>BAB 4</b>	<b>TEMPLATE MyLCP SCORE CARD</b>		
	4.1	LCP 1A : Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan	38-41
	4.2	LCP 1B : Kebenaran Merancang Perobohan Bangunan	42-45
	4.3	LCP 1C : Kebenaran Merancang Pengubahan Bangunan	46-49
	4.4	LCP 1D : Kebenaran Merancang Pemajuan Melibatkan Ruang Udara (Air Space)	50-53
	4.5	LCP 2 : Kebenaran Merancang Kerja Kejuruteraan	54-57
	4.6	LCP 3 : Kebenaran Merancang Kerja Perlombongan	58-61
	4.7	LCP 4 : Kebenaran Merancang Kerja Perindustrian	62-65
	4.8	LCP 5 : Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Tanah	66-69
	4.9	LCP 6 : Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan	70-73
	4.10	LCP 7A : Kebenaran Merancang Susunan Penggunaan Tanah Untuk Pecah Sempadan Atau Cantuman Yang Tidak Melibatkan Pendirian Bangunan	74-77
	4.11	LCP 7B : Kebenaran Merancang Susunan Penggunaan Tanah Untuk Pecah Sempadan Atau Cantuman Yang Melibatkan Pendirian Bangunan	78-81



Diterbitkan oleh :  
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)  
(Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Ketua Pengarah PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan  
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)  
(Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)  
Aras 6, Blok F5, Parcel F,  
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62675, Putrajaya.

ISBN 978-967-5456-65-7

<http://www.planmalaysia.gov.my>

2021

# PRAKATA

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah menetapkan satu sistem perancangan spatial dan guna tanah yang bersepadu bagi negara ini. Peruntukan Seksyen 21A, Akta 172 telah memerlukan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) disediakan dan dikemukakan semasa permohonan kebenaran merancang kepada pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT).

Sehubungan itu, LCP merupakan satu dokumen mandatori yang menerangkan dengan terperinci sesuatu cadangan pembangunan yang ingin dikemukakan. Beberapa langkah telah dilaksanakan oleh PLANMalaysia bagi memastikan LCP yang disediakan memenuhi keperluan akta dan berperanan secara efektif.

Langkah ini termasuklah penyediaan Manual LCP (Edisi Kedua 2011) bagi memandu di dalam penyediaan LCP tersebut. Setelah sekian lama LCP digunakan sebagai dokumen sokongan permohonan kebenaran merancang, maka MyLCP Score Card pula disediakan oleh PLANMalaysia sebagai satu langkah bagi membolehkan PBPT menilai sesuatu LCP yang dikemukakan tersebut. Dengan adanya MyLCP Score Card ini, maka adalah diharapkan kualiti LCP yang dikemukakan kepada PBPT sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan seterusnya dapat membantu PBPT di dalam proses pertimbangan kelulusan kebenaran merancang dengan lebih cekap dan efektif.

# PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dari pihak PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) kepada semua pihak termasuk PLANMalaysia Negeri, pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan wakil Malaysia Institute of Planners (MIP) yang turut memberi pandangan dan cadangan serta kerjasama sepanjang penyediaan dan pelaksanaan MyLCP Score Card ini di peringkat negeri dan PBT.

Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) merupakan dokumen perancangan yang penting yang menerangkan dengan terperinci sesuatu cadangan pemajuan. Sebagaimana sedia maklum aktiviti perancangan bandar dan desa kini menjadi semakin kompleks dan mencabar. Peningkatan penggunaan teknologi dan isu pemanasan global merupakan antara aspek yang ketara ke atas kehidupan masyarakat. Justeru memberi implikasi ke atas aktiviti perancangan. Oleh demikian, LCP sebagai dokumen yang mengiringi permohonan Kebenaran Merancang adalah sangat penting untuk mengambil kira cabaran-cabaran semasa ini.

Sehubungan itu, MyLCP Score Card disediakan bertujuan sebagai alat (*tool*) penilaian dan pemantauan bagi penghasilan LCP yang berkualiti. Selain itu, MyLCP Score Card juga berperanan dalam memastikan kompetensi jururancang bandar sentiasa berada pada tahap profesionlisme yang tinggi. Ini termasuklah pegawai di PBT dan peringkat negeri yang membuat penilaian dan pemantauan melalui MyLCP Score Card tersebut.

Akhir kata, di mohon kerjasama pelbagai pihak bagi melaksanakan MyLCP Score Card supaya Laporan Cadangan Pemajuan yang dihasilkan dapat dimartabatkan sebagai dokumen yang berkesan di dalam membuat keputusan perancangan khusus di peringkat KM.

# BAB 1 PENGENALAN

A decorative graphic at the bottom of the page consists of several overlapping, wavy bands of blue. The bands vary in shade, from a very dark blue to a medium blue, creating a sense of depth and movement. The waves flow from the left side towards the right, with the top band being the most prominent and the bottom bands fading into the dark background.



## 1.1 LATAR BELAKANG MyLCP Score Card

Sejak Manual LCP Edisi Ke-2 diperkenalkan pada tahun 2011, kualiti penyediaan LCP masih boleh dipertingkatkan kerana masih terdapat LCP yang tidak menepati kehendak manual sepenuhnya.

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah dipinda pada tahun 1995 ekoran tragedi Highland Towers yang meragut 48 nyawa di Bukit Antarabangsa, Ampang, Selangor. Pindaan akta tersebut mengubah pendekatan dan perincian yang perlu dititikberatkan di dalam permohonan kebenaran merancang. Pindaan tersebut mensyaratkan LCP disediakan sebagai tambahan kepada dokumen dan pelan (susun atur), mengkehendaki aspek pemeliharaan alam sekitar dititikberatkan, perkara-perkara teknikal seperti geologi dan pemeliharaan cerun, saluran semula jadi tapak dan lain-lain perkara berkaitan sesuatu pemajuan hendaklah didokumenkan (di dalam suatu dokumen yang dipanggil LCP) dan disertakan dalam permohonan Kebenaran Merancang. Pindaan ini juga memperkenalkan perkara berkaitan Perintah Pemeliharaan Pokok atau "*Tree Preservation Order*" dan kepentingannya untuk diteliti dalam sesuatu pemajuan.

Semenjak itu, KM bukan hanya pelan susun atur tetapi perlu mengandungi butiran lengkap berkenaan pemilikan, orang yang menyediakan dan mengemukakan, konsep dan justifikasi pemajuan, analisis-analisis berkaitan tapak serta pengurusan impak ekonomi, sosial, alam sekitar, utiliti dan infrastruktur yang dijangka terhasil dari pemajuan tersebut selain pematuhan terhadap Dasar Rancangan Pemajuan di peringkat Negeri dan Tempatan serta inisiatif-inisiatif baik yang diterapkan.

Sehingga kini, masih terdapat kelemahan di dalam pematuhan dan penghasilan LCP yang berkualiti. Kesannya, ia menyukarkan PBPT dan adakalanya memerlukan tambahan dokumen yang akhirnya menjejaskan tempoh masa kelulusan dan pemberian sesuatu KM. Keperluan untuk menghasilkan LCP yang informatif dan lengkap bagi mempercepatkan proses pertimbangan KM di PBPT adalah sangat mustahak.

## 1.2 TUJUAN MyLCP Score Card

Peruntukan Subseksyen 21A(1), Akta 172 menghendaki LCP dikemukakan semasa permohonan Kebenaran Merancang (KM) selaras dengan keperluan Manual LCP yang telah disediakan pada tahun 2001 oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).

MyLCP Score Card ini adalah bertujuan untuk memastikan LCP yang disediakan oleh Perunding Perancang Bandar adalah bertepatan dengan Manual LCP Edisi Ke-2 tahun 2011 yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia, serta ianya boleh dinilai di mana ia akan memudahkan proses pertimbangan oleh PBPT sebelum pemberian atau penolakan suatu Kebenaran Merancang.

Manual LCP tersebut disediakan untuk dijadikan rujukan utama dalam memastikan penyediaan LCP lebih berkualiti dan bersesuaian untuk pelbagai jenis permohonan dan saiz pemajuan serta memenuhi semua syarat dan kehendak Jabatan dan agensi yang terlibat. Pada tahun 2011, seiring dengan inisiatif kerajaan ke arah mempermudah pembangunan hartanah dalam negara, di bawah inisiatif 8 Makmal Pembangunan Hartanah (MPH), Manual LCP Edisi Ke-2 disediakan bagi menambah baik kualiti LCP sebagai "*single point of reference*".

Objektif utama penyediaan Manual LCP adalah dijadikan sebagai rujukan utama kepada Perunding Perancang Bandar yang berkelayakan untuk menyediakan LCP yang berkualiti dan komprehensif. Secara dasarnya, setiap permohonan KM yang dikemukakan kepada PBPT hendaklah disertakan dengan LCP melainkan pengecualian dibuat di bawah subseksyen 21A(2), Akta 172 oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui kaedah-kaedah. Selagi tiada pengecualian diberikan, semua permohonan KM hendaklah disertakan dengan LCP.

### **1.3 KEPERLUAN UNTUK PENILAIAN DIBUAT TERHADAP LCP YANG DIKEMUKAKAN KEPADA PBT SETELAH DIPERKENALKAN SEMENJAK 1995, MELALUI PINDAAN TERHADAP AKTA 172 IAITU AKTA A933**

Menjalankan fungsi utama PLANMalaysia sebagai “custodian” kepada Akta 172 ini, serta perlu memastikan proses kebenaran merancang sebagaimana digubal di Bahagian IV, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) berkaitan Kawalan Perancangan dipatuhi sepenuhnya.

Sejajar dengan matlamat Tempatan, Negeri dan Nasional, melalui MyLCP Score Card ia akan dapat memastikan LCP yang disediakan di bawah peruntukan Subseksyen 21A(1), Akta 172 benar-benar membantu PBPT dengan lebih menyeluruh, dan membuat “*informed decision*” bagi menjaga kepentingan rakyat, ekonomi dan alam sekitar serta lain-lain perkara yang akan terkesan dengan sesuatu pemajuan yang dikemukakan. Sejajar dengan kehendak “*ease of doing business*” dalam urusan permit pembinaan (*dealing with construction permit*) di mana keputusan permohonan KM yang lebih cepat dapat dicapai.

Kualiti permohonan KM, Melalui MyLCP Score Card juga, dapat mengatasi isu kompetensi perunding yang menyediakan dan mengemukakan dokumen dan pelan untuk KM serta membendung isu-isu kelewatan memproses KM. Agensi - agensi teknikal luaran yang terlibat dalam proses KM juga akan menerima manfaat semasa merujuk LCP yang berkualiti dan memudahkan pengeluaran ulasan teknikal untuk sesuatu permohonan yang dikemukakan.

**BAB 2**  
**KATEGORI**  
**LAPORAN CADANGAN**  
**PEMAJUAN**



Selaras dengan tafsiran pemajuan di bawah Akta 172, LCP diperincikan kepada 7 kategori iaitu :

- i. LCP 1 : Kebenaran Merancang Kerja Bangunan;
- ii. LCP 2 : Kebenaran Merancang Kerja Kejuruteraan;
- iii. LCP 3 : Kebenaran Merancang Kerja Perlombongan;
- iv. LCP 4 : Kebenaran Merancang Kerja Perindustrian;
- v. LCP 5 : Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Tanah;
- vi. LCP 6 : Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan;
- vii. LCP 7 : Kebenaran Merancang Susunan Penggunaan Tanah Untuk Tujuan Memecah Sempadan atau Mencantumkan Tanah

## **2.1 LCP 1 : KEBENARAN MERANCANG KERJA BANGUNAN**

LCP 1 disediakan bagi setiap permohonan kebenaran merancang untuk kerja bangunan seperti mana yang ditafsirkan di bawah subseksyen 2(1), Akta 172 iaitu merangkumi aktiviti meruntuh, mendirikan, mendirikan semula dan meluaskan sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya. Kerja bangunan ini termasuklah:

- a) Membuat apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai suatu bangunan;
- b) Membuat bumbung atau membuat semula bumbung suatu bangunan atau sebahagian daripadanya;
- c) Membuat apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan atau mungkin akan menjejaskan susunan saliran atau kebersihannya atau keteguhannya;
- d) Membuat apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan, sama ada dibuat sebelum atau selepas bangunan itu siap, yang menyimpang dengan apa-apa cara daripada mana-mana pelan atau tentuan berkenaan dengan bangunan itu, yang diluluskan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk meluluskan pelan atau tentuan itu;



- e) Membuat apa-apa tambahan atau perubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan secara material atau mungkin akan menjejaskan secara material bangunan itu dengan apa-apa cara;
- f) Membuat apa-apa kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan bangunan.

### 2.1.1 LCP 1A KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN

Kebenaran merancang pendirian bangunan dalam konteks LCP 1A ialah:

- a) Mendirikan suatu bangunan termasuklah apa-apa struktur di atas lot yang terletak dalam kawasan yang telah mempunyai kebenaran merancang susunan penggunaan tanah (rezab infrastruktur telah disediakan, pelan pra-hitungan telah dikemukakan dan hak milik berasingan telah dikeluarkan) dan kategori penggunaan tanah adalah bangunan/industri;
- b) Mendirikan suatu bangunan termasuklah apa-apa struktur di atas mana-mana tanah yang telah dikategorikan sebagai bangunan/industri yang tidak melibatkan pecah sempadan atau cantuman tanah; atau
- c) Mendirikan suatu bangunan termasuklah apa-apa struktur di atas mana-mana tanah pertanian.



LCP 1A juga tertakluk kepada mana-mana kawasan yang mempunyai pelan induk (*master plan*)/pelan susun atur yang telah diluluskan atau rancangan pemajuan yang telah diwartakan tetapi dengan syarat pematuhan terhadap semua syarat tanah telah dipatuhi sepenuhnya mengikut keperluan Kanun Tanah Negara 1965.



## 2.1.2 LCP 1B KEBENARAN MERANCANG PEROBOHAN BANGUNAN


Penyediaan LCP 1B ini adalah merujuk kepada kerja perobohan bangunan sebagaimana tafsiran 'kerja bangunan' yang mestilah mendapat kebenaran merancang dari PBPT.

Dalam aspek kerja perobohan bangunan, LCP 1B perlu menjelaskan dan membuat penilaian terhadap pemilihan kaedah perobohan dengan mengambil kira saiz, kekuatan serta kedudukan struktur bangunan untuk menjaga keselamatan, kesihatan pekerja dan orang awam. Nasihat dan pandangan profesional lain diperlukan untuk menentukan faktor yang boleh menyebabkan ketidakstabilan struktur dan menyediakan pelan tindakan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan.

Semua kerja perobohan haruslah dijalankan oleh orang terlatih di bawah penyeliaan orang yang ditetapkan dan dilaksanakan di luar waktu puncak. Aktiviti kerja perobohan tidak harus diteruskan dalam keadaan cuaca buruk, seperti angin kencang atau ribut yang boleh menyebabkan struktur yang lemah roboh.

Penyediaan LCP di bawah kategori ini hendaklah juga mengambil kira Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Awam di Tapak Pembinaan (Semakan Pertama:2007) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

LCP 1B juga perlu membuat penilaian terhadap bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau senibina yang perlu dipelihara selaras dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].





### 2.1.3 LCP 1C KEBENARAN MERANCANG PENGUBAHAN BANGUNAN

LCP 1C adalah untuk permohonan kebenaran merancang bagi kerja-kerja tambahan bangunan yang :

- a) Menyentuh secara material rupa di sebelah luar bangunan yang terletak dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan warisan atau kawasan ditetapkan sebagai kawasan kawalan oleh PBT;
- b) Melibatkan apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai bangunan; atau
- c) Melibatkan apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menyentuh atau mungkin menyentuh susunan saliran, kebersihan, atau keteguhannya.



Contoh kerja tambahan bangunan kediaman yang melibatkan tambahan luas lantai



## 2.1.4 LCP 1D KEBENARAN MERANCANG PEMAJUAN MELIBATKAN RUANG UDARA

LCP 1D terpakai bagi permohonan kebenaran merancang untuk pemajuan yang melibatkan pembinaan struktur seperti pembinaan jejantas, jejambat (*sky bridge*) atau anjung di atas atau melintasi tanah kerajaan atau tanah rizab kerajaan seperti jalan raya, laluan pejalan kaki, kawasan lapang dan sebagainya.

KTN memberi kuasa kepada PBN untuk meluluskan pengeluaran permit bagi maksud membina, menyelenggara dan menempatkan apa-apa binaan seperti berikut:-

- a) Di atas tanah kerajaan atau tanah rizab; atau
- b) Melintasi atas tanah kerajaan atau tanah rizab sebagai sambungan kepada mana-mana binaan atas tanah bersebelahan.

Salah satu syarat bagi pengeluaran permit di atas adalah kelulusan perancangan bagi permohonan untuk membina bangunan/struktur yang melibatkan ruang udara daripada pihak berkuasa perancangan yang berkenaan.



## 2.2 LCP 2 : KEBENARAN MERANCANG KERJA KEJURUTERAAN

LCP 2 disediakan bagi permohonan kebenaran merancang untuk menjalankan kerja-kerja kejuruteraan termasuklah membentuk atau meratakan tanah, membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan, atau memasang kabel, sesalur, atau menyediakan bekalan air atau saliran; atau apa-apa kerja kejuruteraan lain yang mengganggu mana-mana tanah untuk tujuan pertanian dalam kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu rancangan pemajuan.

Pemajuan ini tidak melibatkan pendirian bangunan. Ia hanya melibatkan kerja tanah dan penyediaan infrastruktur.



Contoh kerja-kerja kejuruteraan



## 2.3 LCP 3 : KEBENARAN MERANCANG KERJA PERLOMBONGAN

LCP 3 terpakai bagi permohonan kebenaran merancang untuk kerja perlombongan termasuk apa-apa perbuatan mengeluarkan, mengambil dan mengangkut bahan batuan atau mineral pada, di atas atau di bawah mana-mana tanah lombong seperti mana yang ditafsirkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) atau Akta Pembangunan Mineral 1994 (Akta 525).

Permohonan kebenaran merancang perlu disertakan dengan permit melombong, surat kelulusan dasar yang dikeluarkan oleh PBN atau surat permohonan permit melombong yang telah dikemukakan ke Pejabat Tanah.

LCP ini perlu memberi penerangan tentang kaedah pelaksanaan dan langkah mitigasi termasuk langkah pemulihan kawasan selepas operasi ditamatkan. Sebagai sokongan, LCP ini boleh disertakan dengan rumusan daripada hasil Kajian Kebolehlaksanaan (*feasibility study*) dan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) sekiranya dikehendaki oleh PBPT.



Contoh aktiviti perlombongan pasir



## 2.4 LCP 4 : KEBENARAN MERANCANG KERJA PERINDUSTRIAN

LCP 4 adalah bagi permohonan kebenaran merancang untuk kerja perindustrian yang dijalankan pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah industri yang tidak melibatkan pendirian bangunan selain kepungan tidak beratap seperti pagar dan tembok. Kerja perindustrian yang dimaksudkan adalah seperti tempat penyimpanan barang, kenderaan, logam dan sisa toksid.

Bagi aktiviti perindustrian yang melibatkan kerja bangunan, permohonan kebenaran merancang hendaklah dibuat sebagai permohonan di bawah kategori LCP 1 atau LCP 7B.



Contoh pemajuan kerja perindustrian

## 2.5 LCP 5 : KEBENARAN MERANCANG PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN TANAH

LCP 5 adalah permohonan kebenaran merancang bagi perubahan material penggunaan tanah sebagaimana di dalam perenggan 2(2)(a) dan (b), Akta 172 termasuklah:

- a) Penggunaan tanah atau pertambahan keluasan tempat untuk melonggokkan sampah sarap atau bahan buangan; atau
- b) Penggunaan tanah yang berlanggaran atau bercanggah dengan peruntukan rancangan pemajuan.

Bagi permohonan kebenaran merancang untuk penggunaan tanah berlanggaran atau bercanggah dengan rancangan tempatan, justifikasi bagi ketidakpatuhan kepada rancangan tempatan dan cadangan bagi pindaan ke atas rancangan tempatan yang berkenaan perlu dinyatakan di dalam LCP.



Contoh tempat longgokan sampah



## 2.6 LCP 6 : KEBENARAN MERANCANG PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN BANGUNAN

LCP 6 disediakan bagi permohonan kebenaran merancang untuk perubahan material penggunaan bangunan. Tafsiran perubahan material penggunaan bangunan menurut Akta 172 adalah termasuk :

- a) Apa-apa penambahan pada bilangan unit dalam suatu; bangunan lebih daripada bilangan yang diluluskan pada asalnya;
- b) Menukar guna bangunan kediaman untuk kegunaan lain;
- c) Apa-apa pengubahan atau tambahan pada bahagian bangunan itu, yang bersempadan dengan apa-apa garisan biasa jalan sebagaimana ditetapkan;
- d) Penggunaan bangunan yang bertentangan dengan peruntukan rancangan pemajuan; atau
- e) Menukar guna bangunan bukan kediaman untuk menjadi bangunan kediaman.

Permohonan kebenaran merancang ini akan melibatkan pembaikan, pembaharuan, pengubahsuaian dan tambahan kepada bangunan sedia ada di samping kemungkinan meningkatkan intensiti pembangunan di kawasan sedia ada yang memberi impak dan kesan kepada lalu lintas, tempat letak kereta, fizikal, sosial dan alam sekitar kawasan yang terlibat. LCP yang disediakan perlu menerangkan cadangan pelaksanaan yang memperincikan langkah-langkah bagi mengurangkan impak-impak tersebut.



Contoh pemajuan melibatkan perubahan material penggunaan bangunan

## **2.7 LCP 7 : KEBENARAN MERANCANG SUSUNAN PENGGUNAAN TANAH UNTUK TUJUAN MEMECAH SEMPADAN ATAU MENCANTUMKAN TANAH**

Penyediaan LCP 7 melibatkan dua jenis permohonan iaitu :

- a) LCP 7A : Kebenaran Merancang Susunan Penggunaan Tanah Untuk Pecah Sempadan atau Cantuman Tanah Yang Tidak Melibatkan Pendirian Bangunan.
- b) LCP 7B : Kebenaran Merancang Susunan Penggunaan Tanah Untuk Pecah Sempadan atau Cantuman Tanah Yang Melibatkan Pendirian Bangunan

### **2.7.1 LCP 7A : KEBENARAN MERANCANG SUSUNAN TANA UNTUK PECAH SEMPADAN ATAU CANTUMAN YANG TIDAK MELIBATKAN PENDIRIAN BANGUNAN**

LCP 7A disediakan bagi permohonan kebenaran merancang susunan penggunaan tanah untuk pecah sempadan dan cantuman tanah. Permohonan ini adalah untuk urusan perihal tanah sahaja tanpa melibatkan pemajuan fizikal di atas tanah yang berkenaan.

Namun begitu, perincian berhubung akses ke tanah-tanah yang terlibat perlu dikenal pasti di dalam permohonan ini. Ini bertujuan untuk menyediakan laluan kepada pemilik tanah dan memudahkan pembangunan dilaksanakan pada masa hadapan.

## **2.7.2 LCP 7B : KEBENARAN MERANCANG SUSUNAN SEMPADAN ATAU CANTUMAN YANG MELIBATKAN PENDIRIAN BANGUNAN**

LCP 7B disediakan bagi permohonan kebenaran merancang susunan penggunaan tanah yang melibatkan pendirian bangunan. Permohonan ini melibatkan permohonan bagi urusan perihal tanah dan menjalankan kerja bangunan secara serentak.

LCP yang disediakan bagi kategori ini perlu memperincikan komponen-komponen pembangunan yang dicadangkan termasuk maklumat berkenaan zon guna tanah, densiti, had ketinggian, nisbah plot dan kawasan plinth. Pelan susun atur yang disediakan perlu menunjukkan garis bangunan bagi lot-lot yang dicadangkan untuk pendirian bangunan seperti skim perumahan, komersial dan industri.

Cadangan infrastruktur dan utiliti seperti jaringan jalan, sirkulasi, tempat letak kereta, tangki air, tapak pencawang, tapak loji rawatan kumbahan serta kolam takungan perlu ditunjukkan dengan jelas di atas pelan yang disertakan. Perancangan bagi kemudahan seperti kawasan lapang, tempat ibadat, institusi pendidikan dan sebagainya perlu ditunjukkan dan diperjelaskan keperluannya mengikut garis panduan perancangan yang diterima pakai.

Bagi plot yang tidak diperincikan dalam pelan susun atur keseluruhan di atas, pemohon yang ingin memajukan plot tersebut perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang bagi pendirian bangunan.



**BAB 3**  
**PENILAIAN**  
**MyLCP Score Card**

A decorative graphic consisting of several overlapping, wavy bands of blue in various shades, ranging from a deep navy blue to a lighter, vibrant blue. The bands flow from the left side towards the right, creating a sense of movement and depth. The graphic is positioned in the lower half of the page, below the main title.

### 3.1 KRITERIA PEMARKAHAN MyLCP SCORE CARD

MyLCP Score Card mengandungi enam (6) kriteria utama yang dinilai berdasarkan kandungan Manual LCP dan ditetapkan mengikut wajaran seperti di Jadual :

KRITERIA		WAJARAN MARKAH
C1	Kandungan, Format dan Ketepatan Maklumat;	5
C2	Konsep Justifikasi Pemajuan, Pelan Lokasi, Pelan Tapak dan Butiran Hak Milik;	15
C3	Jenis / Hasil Analisis Perancangan Tapak;	10
C4	Penjelasan Cadangan Pemajuan;	10
C5	Pematuhan Rancangan Pemajuan; dan	35
C6	Penjelasan Impak Pemajuan.	25
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>100</b>

Setiap kriteria tersebut telah ditetapkan wajaran pemberat markah bagi memberi penekanan terhadap keperluan setiap satu kriteria ini dilengkapkan dalam satu LCP yang dikemukakan. Wajaran-wajaran ini telah dibincangkan bersama PBPT terpilih dan juga Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).

Pasukan kajian juga telah melakukan *benchmark* bagi pembentukan MyLCP Score Card ini kepada *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST)* yang dilaksanakan oleh CIDB Malaysia. Di dalam sistem tersebut, hanya *certified professional* yang dibenarkan untuk menggunakan score card tersebut. Walau bagaimanapun di dalam MyLCP Score Card, pendekatan yang diambil lebih terbuka iaitu penyedia dokumen iaitu perunding perancang bandar berdaftar serta pihak PBPT yang akan menilai LCP tersebut.

### 3.2 SKALA PEMARKAHAN MyLCP SCORE CARD

Kriteria Penilaian LCP diterjemah dalam bentuk templat pemarkahan bagi memudahkan penilaian pemarkahan dibuat oleh PBPT.

**<50%**  
LCP TIDAK  
DITERIMA


**51-80%**  
LCP DITERIMA  
DENGAN  
PINDAAN

**>80%**  
LCP  
DITERIMA

### 3.3 KAEDAH PEMARKAHAN C1 MyLCP SCORE CARD

BIL	KRITERIA	PEMBERAT MARKAH	MARKAH YANG PERLU DILENGKAPKAN PBT
<b>C1</b>	<b>KANDUNGAN, FORMAT DAN KETEPATAN MAKLUMAT</b>		
<b>C1.1</b>	<b>Perakuan Perunding (Perancang Bandar Berdaftar atau orang berkeelayakan)</b>		
1	Keperluan cop perakuan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).	Wajib	Wajib
2	Penyataan Akuan oleh Perunding atau Orang Berkeelayakan.	Wajib	Wajib
3	Surat Lantikan Perunding (oleh pemilik)	1	1
4	Salinan Sijil Badan Professional	1	1
5	Lain-lain dokumen yang berkaitan	1	1
<b>C1.2</b>	<b>Ringkasan LCP</b>		
1	Penerangan ringkasan aspek-aspek perancangan yang diterangkan dalam bentuk jadual atau lain-lain	1	1
<b>C1.2</b>	<b>Tahap keselarasan dengan Manual LCP Edisi Ke-2</b>		
1	Kandungan dan format LCP yang disediakan adalah selaras dengan Manual LCP Edisi Ke2 yang diterbitkan oleh PLANMalaysia.	1	1
<b>Skala Markah</b>		<b>5</b>	<b>5</b>

#### 3.3.1 PERAKUAN PERUNDING (PERANCANG BANDAR BERDAFTAR ATAU ORANG BERKELAYAKAN)



**WAJIB**  
 Penyataan Akuan oleh Perunding atau Orang Berkeelayakan.

**WAJIB**  
 Keperluan cop perakuan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)/Lembaga yang berkaitan

#### PERKARA WAJIB BAGI PENERIMAAN LCP YANG DIKEMUKAKAN

1. Keperluan cop perakuan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)/ Lembaga yang berkaitan.
2. Penyataan Akuan oleh Perunding atau Orang Berkeelayakan.

**BIL.KRITERIA**

**2**

**MARKAH**

**WAJIB**



Salinan Sijil Badan Professional

3. Surat Lantikan Perunding (oleh pemilik)
4. Salinan Sijil Badan Professional
5. Lain-lain dokumen yang berkaitan

**BIL.KRITERIA**

**3**

**MARKAH**

**1**

### 3.3.2 RINGKASAN LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN

#### 1.2 Tujuan Penyediaan Laporan Cadangan Pemasukan (LCP)

Tujuan penyediaan Laporan Cadangan Pemasukan (LCP) ini adalah untuk menjelaskan tentang komponen cadangan pemasukan dan pendekatan pembangunan yang akan menghasilkan aliran bina yang berkualiti dan meminimalkan impak negatif terhadap aspek alam sekitar dan sosial. Laporan ini juga disediakan untuk mengemukakan penerangan, rasional dan justifikasi pemohonan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Kebenaran Pencerancang (KM) bagi Cadangan Pembangunan Bercampur RCEP Trade City (ATC).

Cadangan Pembangunan ATC adalah satu inisiatif yang dipromosikan untuk mencipta rangkaian global untuk perdagangan negara-negara ASEAN. Cadangan pembangunan ATC membolehkan negara yang terlibat mendapat akses ke pasaran yang lebih baik bagi produk dan perkhidmatan. Justeru, industri dari 10 ahli komuniti ekonomi ASEAN dengan variasi dalam kedudukannya dalam daya saing global akan menjadi peserta dan penerima faedah daripada pembangunan ini. Tambahan pula, ATC menjadikan pintu masuk serantau yang unik untuk meningkatkan perdagangan luar dan bertujuan merealisasikan aliran keluar-masuk bebas barangan, perkhidmatan dan pelaburan, aliran modal lebih bebas dan pergerakan profesional, bakat dan tenaga mahir yang lebih mudah mulai 2020. Ia adalah sebuah pusat perdagangan yang mempromosikan serta memaparkan produk-produk ASEAN dunia, dan juga untuk menyediakan pintu masuk utama bagi produk global di pasaran ASEAN yang semakin meningkat.

Penerangan ringkasan aspek-aspek yang diterangkan dalam bentuk jadual atau lain-lain.


**BIL. KRITERIA**

**1**

**MARKAH**

**1**

### 3.3.3 TAHAP KESELARASAN DENGAN MANUAL LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN EDISI KE-2



BAB 1 PENDAHULUAN	MAS	MAR
1.1 Pendahuluan	1-1	3-21
1.2 Tujuan Penyediaan Laporan Cadangan Pemasukan (LCP)	1-1	3-21
1.3 Rujukan Laporan Cadangan Pemasukan (LCP)	1-2	3-21
1.4 Falsafah Pengiraan Projek	1-2	3-21
<b>BAB 2 LATIHAN BELIAKANG PEMAJUAN</b>		
2.1 Latar Belakang Pemindahan Pembangunan Transit	2-1	4-6
2.2 Latar Belakang Projek dan Fungsinya	2-1	4-6
2.3 Profil Tapak / Lot Pembangunan	2-2	4-6
<b>BAB 3 PANDUAN TAPAK PEMAJUAN</b>		
3.1 Latar dan Konteks	3-1	4-6
3.1.1 Tapak selangai dalam konteks Kawasan R. dan KAW	3-1	4-6
3.1.2 Tapak selangai dalam konteks Rujukan negara ASEAN	3-2	4-6
3.1.3 Tapak selangai dalam konteks Rujukan LRT/RTD	3-5	4-6
3.1.4 Tapak selangai dalam konteks Sistem Sarawak	3-6	4-6
3.1.5 Tapak selangai dalam konteks SIAA Perancangan	3-6	4-6
3.2 Tajuk dan Jilid Utama Utama	3-6	4-6
3.2.1 Struktur kandungan	3-6	4-6
3.2.2 Analisis kandungan	3-10	4-6
3.3 Memahami Tajuk	3-12	4-6
3.3.1 Struktur Tajuk	3-14	4-6
3.3.2 Kandungan Tajuk dan Bahagian	3-15	4-6
3.3.3 Kandungan Bahagian	3-16	4-6
3.3.4 Bahagian dan Bahagian Bahagian	3-16	4-6
3.4 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.1 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.2 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.3 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.4 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.5 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.6 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.7 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.8 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.9 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.10 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.11 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.12 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.13 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.14 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.15 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.16 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.17 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.18 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.19 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.20 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.21 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.22 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.23 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.24 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.25 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.26 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.27 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.28 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.29 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.30 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.31 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.32 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.33 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.34 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.35 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.36 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.37 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.38 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.39 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.40 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.41 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.42 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.43 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.44 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.45 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.46 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.47 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.48 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.49 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.50 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.51 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.52 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.53 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.54 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.55 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.56 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.57 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.58 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.59 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.60 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.61 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.62 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.63 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.64 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.65 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.66 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.67 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.68 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.69 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.70 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.71 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.72 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.73 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.74 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.75 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.76 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.77 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.78 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.79 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.80 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.81 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.82 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.83 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.84 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.85 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.86 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.87 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.88 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.89 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.90 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.91 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.92 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.93 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.94 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.95 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.96 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.97 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.98 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.99 Struktur Kandungan	3-16	4-6
3.4.100 Struktur Kandungan	3-16	4-6

Kandungan dan format LCP yang disediakan adalah selaras dengan Manual LCP Edisi Ke2 yang diterbitkan oleh PLANMalaysia.

**BIL. KRITERIA**

**1**

**MARKAH**

**1**

### 3.4 KAEDAH PEMARKAHAN C2 MyLCP SCORE CARD : KONSEP JUSTIFIKASI PEMAJUAN, PELAN LOKASI, PELAN TAPAK DAN BUTIRAN HAKMILIK

BIL	KRITERIA	PEMBERAT MARKAH	MARKAH YANG PERLU DILENGKAPKAN PBT
<b>C2</b>	<b>KONSEP JUSTIFIKASI PEMAJUAN, PELAN LOKASI, PELAN TAPAK &amp; BUTIRAN HAK MILIK</b>		
<b>C2.1</b>	<b>Konsep dan Justifikasi Pemajuan</b> (hendaklah menerangkan tujuan, latar belakang dan justifikasi)		
1	Penerangan berkenaan tujuan penyediaan LCP	1	1
2	Penerangan berkenaan latar belakang tapak dan KM atau kelulusan perancangan terdahulu sekiranya ada.	1	1
3	Penerangan justifikasi cadangan pemajuan untuk dijadikan asas pertimbangan pemberian kebenaran merancang.	2	2
<b>C2.2</b>	<b>Pelan Lokasi</b>		
1	Menunjukkan lokasi tapak cadangan dan kawasan sekitar dalam jarak lingkungan 5km dari kawasan pemajuan yang dicadangkan.		
2	Berskala 1:10,000 - 1: 50,000		
3	Menandakan tanda arah utara dan kiblat dalam pelan	2	2
4	Menandakan tapak cadangan dengan taman perumahan, bandar, pekan, lebuh raya, jalan-jalan utamadan sebarang pembangunan fizikal sekitar termasuk pembangunan komited.		
5	Menandakan tiang km (kilometre post)		
	<i>Nota : Adalah merujuk kepada syit piawai dan Pelan Akuan Jabatan Ukur (certified plan)</i>		
<b>C2.3</b>	<b>Pelan Tapak</b>		
1	Menunjukkan tapak cadangan dengan lot-lot bersempadan, rezab jalan dan sebagainya termasuk pembangunan komited.		
2	Menunjukkan titik koordinat		
3	Menggunakan skala yang bersesuaian.	2	2
4	Menandakan tanda arah utara dan kiblat dalam pelan		
5	Menyenaraikan nama pemilik berdaftar lot tanah berjiran, alamat, no.lot, carian rasmi yang disahkan PTD/PTG (bagi kawasan tiada RT)		
	<i>Nota : Adalah merujuk kepada syit piawai dan Pelan Akuan Jabatan Ukur (certified plan).</i>		
<b>C2.4</b>	<b>Butir Hakmilik Tanah/Bangunan dan Sekatan</b>		
1	Penerangan butir hakmilik tanah/bangunan		
2	Penerangan jenis dan nombor hak milik tanah/bangunan		
3	Penerangan nombor lot tanah/bangunan		
4	Penerangan keluasan tanah/bangunan	2	2
5	Penerangan jenis pegangan tanah/bangunan		
6	Penerangan kategori penggunaan tanah/bangunan		
7	Penerangan syarat nyata dan sekatan kepentingan (jika ada)		
8	Penerangan maklumat tanah/bangunan seperti tanah rezab melayu, rezab orang asli dll.		
<b>C2.5</b>	<b>Dokumen yang diperlukan</b>		
1	Salinan hakmilik tanah/carian rasmi terkini.	1	1
2	Surat Wakil Kuasa (PA) dan profil syarikat (sekiranya pemilik dan pemohon adalah berlainan)	1	1
3	Salinan resit hasil tanah dan cukai taksiran terkini.	1	1
4	Surat pelepasan dari pihak berkepentingan (jika tanah dicagar/kaveat/dll)	1	1
5	Surat Kebenaran Laluan yang disahkan / keizinan bertulis agensi yang mempunyai kawalan ke atas tanah (LCP1D) (jika berkaitan)	1	1
6	Lain-lain dokumen yang berkaitan.		
	<b>Skala Markah</b>	<b>15</b>	<b>15</b>

#### 3.4.1 KONSEP DAN JUSTIFIKASI PEMAJUAN

##### 1.2 Tujuan Penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)

Tujuan penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) ini adalah untuk menjelaskan tentang komponen cadangan pemajuan dan pendekatan pembangunan yang akan menghasilkan alam bina yang berkualiti dan meminimalkan impak negatif terhadap aspek alam sekitar dan sosial. Laporan ini juga disediakan untuk mengemukakan penerangan, rasional dan justifikasi permohonan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi Cadangan Pembangunan Bercampur (RCEP Trade City) (ATC).

Cadangan Pembangunan ATC adalah satu inisiatif yang dipromosikan untuk mencipta rangkaian global untuk perdagangan negara-negara ASEAN. Cadangan pembangunan ATC membolehkan negara yang terlibat mendapat akses ke pasaran yang lebih baik bagi produk dan perkhidmatan. Justeru, industri dari 10 ahli komuniti ekonomi ASEAN dengan variasi dalam kedudukannya dalam daya saing global akan menjadi peserta dan penerima faedah daripada pembangunan ini. Tambahan pula, ATC merupakan pintu masuk serantau yang unik untuk meningkatkan perdagangan luar dan bertujuan memulakan aliran keluar-masuk bebas berangsur, perkhidmatan dan pelaburan, aliran modal lebih bebas dan pergerakan profesional, bakat dan tenaga mahir yang lebih mudah mulai 2020. Ia adalah sebuah pusat perdagangan yang mempromosikan serta mempamerkan produk-produk ASEAN dunia, dan juga untuk menyediakan pintu masuk utama bagi produk global di pasaran ASEAN yang semakin meningkat.

Penerangan berkenaan tujuan penyediaan LCP

**BIL.KRITERIA**

**1**

**MARKAH**

**1**

Penerangan berkenaan latar belakang tapak dan KM atau kelulusan perancangan terdahulu sekiranya ada.

BIL. KRITERIA	MARKAH
<b>1</b>	<b>1</b>

## 2.0 LATAR BELAKANG PEMAJUAN

### 2.1 Latar Belakang Permohonan Pembangunan Tapak

Untuk tujuan permohonan ini, telah dilantik oleh pihak pemilik dan pemaju tanah untuk mengemukakan Pelan Susunatur dan Laporan Cadangan Pajajuan (LCP) ini kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab iaitu Majlis Perbandaran Nilai (MPN).

Penyediaan dokumen ini bertujuan bagi membantu proses penilaian yang akan dilakukan oleh pihak MPN dan seterusnya memberi kelulusan kebenaran merancang kepada permohonan ini menerusi tajuk permohonan yang dikemukakan seperti berikut:

**"PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR MELALUI PENYERAHAN BALIK DAN MEMBERIMILIKAN SEMULA (SEKSYEN 204A) (KTN 1956), DI ATAS LOT PT561, PT565, 9739, 7150 DAN 7149 SELUJAS 283.60 EKAR, MUKIM SETUL, DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, UNDANG ATC DEVELOPMENT SON.BERHAD"**

#### 3.1.1 Tapak Cadangan Dalam Konteks Konarab KL dan Malaysia Vision Valley

Tapak cadangan ATC ini terletak di dalam Wilayah Tengah bersama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka sebagai Wilayah Tangap 1 dari segi nasional negara. Juga juga terletak dalam "Grosir Kuala Lumpur" di mana telah ditakrifkan sebagai kawasan Bidang Utama Ekonomi Negara (KNEA), "Grosir Kuala Lumpur" menampung permintaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 10 munisipaliti, di mana setiap satu daripada ditakrifkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pertumbuhan dan pertambahan penduduk yang terbesar sebanyak 8 juta penduduk telah dianggarkan berada didalam kawasan "Grosir Kuala Lumpur". Hal ini bakal menyumbang RM263 billion kepada Pengekuaan Negara Kasar (PKK).

Selain itu, tapak cadangan juga terletak dalam perancangan Malaysia Vision Valley (MVV), yang melibatkan keluasan tanah 1,800 ekar (100,000 hektar) dari Nilai, Seremban hingga ke Port Dickson di mana Kerajaan Negeri Sembilan telah menyediakan perancangan pembangunan Malaysia Vision Valley dan ia merupakan cadangan plan transformasi yang agresif oleh Kerajaan Negeri bersama pihak swasta untuk memajukan Daerah Seremban dan Port Dickson menjadi satu agenda pembangunan utama negara. Sehubungan dengan itu, MVV merupakan satu pemangkuhan holistik dalam usaha Kerajaan Negeri dengan Persekutuan agar pembangunan menyempit di Lembah Klang dapat diperluas ke negeri ini di bawah gajutan Lembah Klang. Oleh itu, tapak cadangan dalam MVV tersebut akan menjadi salah satu pemangku utama di dalam MVV yang selaras dengan inisiatif strategik MVV dimana ia akan menjadi salah satu kawasan perdagangan bebas di antara negara anggota ASEAN yang mengutamakan aspek integrasi ekonomi sebagai penentu kepada peranan pelabur-pelabur daripada luar negara ASEAN yang menginginkan pasaran yang besar dan cukup serta mampu bersaing di peringkat global. Ini selaras dengan transformasi negara untuk mencapai matlamat sebagai negara berpendapatan tinggi.

Tapak cadangan telah menyediakan persediaan perdagangan yang lebih liberal dan adil untuk membolehkan dan mengurangkan halangan perdagangan bukan sahaja bagi mengekspor produk Malaysia bahkan juga mengimport bahan-bahan mentah serta produk perikanan yang diperlukan bagi menyokong pertumbuhan industri.

#### 3.1.3 Tapak Cadangan Dalam Konteks Negeri Sembilan

Tapak cadangan terletak di Negeri Sembilan (Negeri Kraton) yang terletak di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia dan bersebelahan dengan Negeri Selangor di utara, Negeri Melaka di selatan dan Negeri Pahang di bahagian Timur. Ia mempunyai keluasan keseluruhan 4,696 km<sup>2</sup>, dengan anggaran penduduk seramai 667,674 orang berbanding pada tahun 2010. Negeri Sembilan meliputi tujuh daerah iaitu Seremban, Port Dickson, Jempol, Tampin, Kuala Pilah, Rembau dan Jelebu dengan Seremban sebagai pusat pertumbuhan kerajinan. Sehubungan dengan itu, tapak cadangan adalah bersebelahan strategik di dalam Bandar Seremban. Iaitu bandar utama bagi negeri ini terletak kira-kira 60 kilometer dari Kuala Lumpur dan kawasan 10 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang terletak di Sepilang.

Tambahan pula, Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang berlandaskan adat adatnya, terutama adat pererti yang hanya terdapat di negeri ini sahaja. Oleh itu juga sebagai "Tanah Adat Bersejarah", Negeri Sembilan kaya dengan kearifan, nilai peribadi dan budaya rahang-kabau. Kalaupun ia juga dapat membolehkan aspek cadangan yang selaras menjadi salah satu paksi ekonomi kepada perancangan dan membina pelbagai projek pembangunan dari dalam dan luar negara. Hal demikian, sektor perikanan di Negeri Sembilan mempunyai hampir semua daripada Kubera Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri, iaitu 60% sektor perikanan dan perikanan sebanyak 40.2%, perikanan (8%), perikanan (2%), perikanan (0.7%) dan sebagainya merupakan portland. Walau bagaimanapun, perubahan beberapa pembangunan asas dan kawasan-kawasan industri membantu meningkatkan ekonomi negeri.

Menyempit tahun 2015 Negeri Sembilan akan memperkembangkan ekonomi berdasarkan sumber berpotensi yang inovatif, produktif dan kompetitif. Secara ini, perancangan akan datang akan memfokuskan pada pembangunan sumber sebagai asas pertumbuhan ekonomi dan daya sebagai pusat baru dan berdaya yang selaras serta efektif untuk negeri. Selaras kerangka aggaran 738,371.25 atau 94.30 peratus tidak tunai akan dibayarkan oleh dan majlisnya berkuatku dalam daerah Seremban dan Port Dickson, sebagai satu langkah pertama satu aspek peralihan yang baik untuk tapak cadangan untuk menyempatkan dan meningkatkan tahap ekonomi Negeri Sembilan.

Dari aspek rangkaian perhubungan wilayah, daya bersempukan dengan Negeri Selangor (Daerah Hulu Langat) di sebelah timur tapak. Keadaannya yang strategik kerana begitu hampir dengan sempadan Negeri Selangor juga bakal menjadi daya tarik bagi tapak cadangan ini. Daya tarik dalam pembangunan ini adalah 45 kilometer daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Seremban ini, projek projek mega pembangunan nasional seperti Projek Perindustrian Persekutuan Putrajaya dan Koridor Raya Multimedia di Cyberjaya juga terletak dalam radius 45 kilometer, hanya kira-kira 45-50 minit perjalanan dari tapak cadangan. Keabsahan ini secara tidak langsung memberikan daya dan meningkatkan corak pembangunan tapak cadangan ini.


Penerangan justifikasi cadangan pajajuan untuk dijadikan asas pertimbangan pemberian kebenaran merancang.

BIL. KRITERIA	MARKAH
<b>1</b>	<b>1</b>

### 3.4.2 PELAN LOKASI

1. Menunjukkan lokasi tapak cadangan dan kawasan sekitar dalam jarak lingkungan 5km dari kawasan pemajuan yang dicadangkan.
2. Berskala 1:10,000 - 1: 50,000
3. Menandakan tanda arah utara dan kiblat dalam pelan
